

| | | | |
|-------------|--|------------|---------|
| Headline | Kejatuhan harga tak jejas tarif elektrik | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Apr 2019 | Language | Malay |
| Circulation | 107,609 | Readership | 322,827 |
| Section | Ekonomi | Page No | 38 |
| ArticleSize | 152 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 9,013 | | |
| | | | |



Kejatuhan harga tak jejas tarif elektrik

KUALA LUMPUR 4 April - Kejatuhan harga gas dan arang batu dunia kemungkinan tidak memberi kesan kepada tarif elektrik di Malaysia memandangkan ia masih tinggi berbanding tarif asas yang ditetapkan di bawah semakan semula tiga tahun pada 2018.

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Leo Moggie berkata, ketika ini kos arang batu masih lebih tinggi di pasaran antarabangsa pada AS\$90 (RM367.49) satu tan metrik berbanding tarif asas yang ditetapkan pada AS\$75 (RM306.24) satu tan metrik.

Katanya, penjanaan elektrik yang menggunakan bahan api gas juga lebih tinggi sekitar RM28 untuk setiap juta unit thermal British (MMBtu) di pasaran berbanding tarif asas RM27.20 per MMBtu ditetapkan bagi Januari 2019 hingga

Disember 2020.

"Harga arang batu memang nampak menurun tetapi berdasarkan perspektif komoditi antarabangsa, harganya lebih tinggi daripada tarif asas yang ditetapkan untuk penjanaan kuasa.

"Sehubungan itu, terpulang kepada kerajaan untuk membuat semakan tarif ini kerana bukan tugas TNB untuk campur tangan. Kita mengikut sistem yang ada dan

kerajaan membuat semakan kos pembekalan elektrik bagi setiap enam bulan," katanya selepas menjadi ahli panel dalam sesi Forum CEO 2019 di sini hari ini.

Melalui rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) di bawah Suruhanjaya Tenaga, kerajaan menetapkan tarif untuk tempoh tiga tahun (dikenali sebagai tempoh pengawalseliaan) untuk memastikan kestabilan pasaran.



LEO MOGGIE